

SKRIP DRAMA

TEMA

Cerita Rakyat

TAJUK

Tanggung

PENULIS SKRIP

Nur Aina Fitriah binti Alias

PELAKON

Tanggung: *pemuda miskin, bekerja di atas kapal*

Mak Undang: *emak Tanggang*

Kesum: *kakak Tanggang*

Nakhoda: *pemilik kapal, majikan Tanggang*

Nopal: *anak kapal*

Soraya: *anak Nakhoda, seorang gadis Autistik*

Orang kampung 1

Orang kampung 2

Orang kampung 3

Tok Kadi

SINOPSIS

Tanggung, seorang pemuda yang tinggal bersama emak, Mak Undang dan kakaknya, Kesum di di sebuah kampung di negeri Salak Tiga. Tanggang menyuarakan hasratnya untuk merantau mencari rezeki di negeri Pasir Berdengung. Hasratnya itu dipersetujui Mak Undang dan Kesum walaupun pada awalnya mereka agak keberatan. Namun begitu, belum sempat dia tiba di negeri Pasir Berdengung, Tanggang bertemu dengan Nakhoda kapal dan diterima bekerja sebagai anak kapal.

SITUASI 1

Guruh berdentum diselang-seli kilat di langit. Angin kencang. Tanggang melutut di tengah pentas. Mak Undang ratapi nasib anaknya...

MAK UNDANG: (*berlari ke tengah pentas menadah tangan ke lagit*) Anakku Tanggang! Emak ampunkan kau nak! Ya Tuhan ampunkan Tanggang!

TANGGANG: (*tanggang berteriak sambil cuba merangkak ke arah Mak Undang*) Emak!! Tanggang tak mahu jadi batu

SITUASI 2

Di ruang tamu rumah papan. Mak Undang dan Kesum melipat baju. Tanggang berdiri di tingkap kayu.

KESUM: Benar kamu mahu ke Negeri Pasir Berdengung?

TANGGANG: Benarlah Kak Kesum. Tanggang mahu merantau cari pekerjaan bagus, cepat kita kaya.

MAK UNDANG: Mak risau nak. Kamu itu sudahlah pemalas, siapa yang mahu gajikan. Lagipun mak juga tidak mahu keseorangan lama-lama di rumah. Kak Kesum kau ni bukan tahu lekat di rumah. (*mencebik ke arah Kesum*)

TANGGANG: Ala mak jangan bersedih. Tanggang pergi sekejap sahaja. Kak Kesum jaga mak baik-baik, nanti Tanggang baliklah.

KESUM: Baiklah Tanggang. Selalu Whatsapp emak dan kakak tau.

TANGGANG: Iyalah tahulah Tanggang nanti.

SITUASI 3.

NAKHODA: Tarik tali itu! Tarik kuat-kuat! Simpulan apa yang kau buat ni Nopal? Itulah dulu tak mahu masuk Kelanasiswa, tengok apa jadi pada tali kapal aku!

(Nopal menunduk.)

Nakhoda: Buat semula simpulan ini. Buat betul-betul.

Nakhoda berjalan turun dari kapal yang berlabuh di Jeti Tok Kun.

Orang ramai lalu lalang. Ada yang berjual-beli. Tanggang mendekati Nakhoda.

TANGGANG: Tuan Nakhoda, Saya Tanggang, saya mahu cari kerja. Err..masih adakah kerja kosong di atas kapal tuan?

NAKHODA: Kamu pandai bat simpulan tali kapal?

TANGGANG: Pandai Nakhoda!

NAKHODA: Baik, kamu boleh mula bekerja hari ini. Naik ke kapal sekarang, sebentar lagi kita akan berlayar semula.

SITUASI 4

NAKHODA: Bagaimana kau Tanggang? Suka kerja di atas kapal?

TANGGANG: Sudah berpuluh purnama saya di sini, pastinya saya suka. Mengapa Nakhoda?

NAKHODA: Aku sudah tua, kapal ini perlukan Nakhoda yang baru. Aku mahu serahkan kapal ini kepada kau. Setuju?

TANGGANG: Berat untuk saya menerima tanggungjawab ini. Namun, jika Tuan Nakhoda berkeras juga saya tiada pilihan bukan? *(Tanggung berkias)*

NAKHODA: Bagus. Mudah urusanku. Kamu tidak hanya akan memperoleh kapal ini, malah kau akan aku serahkan hartaku yang paling berharga.

(Tanggung memperkemas posisi badannya, tidak sabar lagaknya mahu tahu apa lagi imbalan lumayan yang bakal diterima.)

NAKHODA: Aku mahu pertanggungjawabkan Soraya, anakku kepada kau. Bagaimana?

TANGGANG: *(hampir melompat gayanya. senyum lebar)* Saya setuju, amanah dari Tuan akan saya jaga sebaiknya.

SITUASI 5

KESUM: Sekian lama kau pergi, Whatsapp juga boleh dibilang jari. Sekarang kau sudah pulang sudah mahu beristeri.

TANGGANG: Tanggang pasti ini keputusan tepat mak, Kak Kesum. Tanggang yakin Soraya pasti seorang yang cantik dan sempurna sesuai dengan Tanggang yang tampan ini.

KESUM: kau belum pernah melihat dia. Seharusnya kau berkenal-kenalan dulu dengan dia. Itukan adat melayu kita. Jangan tergopoh-gopoh begini.

MAK UNDANG: benar kata kakak kau. Mak takmahu nanti kau yang menyesal.

TANGGANG: Dia anak Nakhoda, pasti parasnya cantik. Anak-anak kapal yang lain semua mengimpikan Soraya. Takkan Tanggang mahu berbolak-balik?

SITUASI 6

Hari pernikahan Tanggang dan Soraya. Tok Kadi melafazkan akad nikah dan disambut oleh Tanggang dengan lancar.

TANGGANG: (*tercari-cari Soraya*) Mana isteri Tanggang ni mak. Tanggang dah tak sabar nak sarung cincin ni.

MAK UNDANG: Mak pun terciari-cari. Yang mana satu Si Soraya? Kesum, ada kau nampak?

KESUM: Tak ada mak. Barangkali dia masih malu malu. (*Kesum ketawa kecil, mencuit bahu Mak Undang*)

SORAYA: Suamikuuuu!

TANGGANG: (*Tanggang kaget, matanya terbeliak seakan tidak percaya*) Allah..

(*Soraya meluru ke tengah rumah, menerpa Tanggang yang masih terpinga-pinga.*)

SORAYA: (*sambal bertepuk tangan*) Wahhh cantiknya cincin! Untuk Soraya kan?

NAKHODA: Tanggang, ini isterimu. Anak gadisku yang istimewa. Aku harap kau akan terus menyayangi Soraya walau dengan kekurangan yang dia ada. Autistik bukan penyakit, ianya keistimewaan. Bahagiakan Soraya, Tanggang.

Tanggang terdiam kaku. Soraya sudah di hadapannya sebagai anak kecil gembira mendapat mainan.